

Pembentukan Watak Ekstremis: Tinjauan Dari Perspektif Psikologi Dan Indoktrinasi

Dr. Mohd Hamidi Ismail
Universiti Sains Islam Malaysia
hamidi@usim.edu.my

ABSTRAK

Terorisme sebagai kemuncak ekstremisme adalah fasa terakhir proses doktrin radikalisme, fanatisme, teokrasi dan anti-otoriti. Namun proses ini tidak berjaya mencapai objektifnya dengan sendiri. Ia memerlukan paradigma yang kuat bagi menyokong ketahanan kehendak dalam diri ekstremis ‘berjihad’ kerana cabarannya sangat dahsyat. Malah paradigma itu mestilah bercenderung ukhrawi yang memberikan suntikan keinsafan, semangat membara mempertahankan agama dan menentang perlembagaan autokrasi mahupun birokrasi. Mengupas perkara ini, kertas kerja ini dengan menumpukan objektif mengenal pasti elemen yang mencorakkan peribadi ekstrem salafi-jihadi, menggunakan metode kuantitatif berhasil dengan dapatan awal, mendapati psikologi individu yang menyertai jihad telah mengalami sindrom kognitif vakum yang memudahkan doktrin pincang memberi kesan padanya (psikologi jihadis).

Kata kunci: watak, ekstremis, psikologi, doktrin.

ABSTRACT

Terrorism at the highest point of extremism is the final process of radicalising, zealotry, theocracy and anti-authentic codification. However, this process solely cannot pursue its goal. A firm paradigm is needed to support the extremist's resistance desire for 'jihad' as its challengers are intense. In fact, the paradigm must incline with the afterlife in order to inoculate repentance, fervent, and rebuking either on autocracy or bureaucracy in constitution. For viewing this matter aligned with proposed objective, this paperwork will examine the elements which draw jihadist's extreme characteristic. Numerous quantitative methods will be consumed to generate the result. Preliminary found; jihad ventures have experiencing vacuum cognitive syndrome affected their psychology conveniently with distorted doctrines.

Keywords: character, extremist, psychology, doctrine

Pengenalan

Keghairahan segelintir masyarakat Islam terhadap gerakan salafi-jihadi di negara-negara berkonflik, atau tindakan terorisme secara solo di negara-negara yang aman, seperti pengeboman berani mati, tembakan rambang dan pensejataan ‘*lone wolf*’, atau ‘*homegrown terrorist*’, disuntik oleh semangat ingin membela saudara seislam, atau mempertahankan agama Islam itu sendiri. Semangat yang lahir daripada perasaan ditindas, dizalimi dan tidak diadili, memangkin masyarakat

terbabit memilih cara sendiri dalam bertindak, mengikut apa yang mereka rasakan betul. Walau bagaimanapun, tindakan sedemikian tidak akan berlaku, tanpa sebarang faktor yang membentuk latar sosial dan personal mereka. Rata-ratanya, apabila dilihat pada rekod silam hidup mereka, tiada seorang pun yang terlepas daripada ‘pangkah merah’, menjadi manusia yang bersifat ‘insan’. Oleh itu, mereka memilih untuk menjadi cemerlang di Akhirat sahaja di atas kegagalan di dunia ini, lalu mereka tidak menemui jalan singkat ke sana melainkan dengan berjihad.

Bergerak daripada introdusir ini, ia memberi gambaran asas, bahawa salafi-jihadi mempunyai perspektif sendiri apabila mentakrif tujuan hidup dan mati, yang bukan berpandukan al-Qur’an atau hadis Nabi SAW. Ini sangat jelas bilamana mereka berinteraksi dengan dua sumber berautoriti itu, mereka mentafsir keterangannya mengikut akal dan hawa nafsu. Mereka memilih tafsiran yang hanya menepati tindakan mereka, dan mereka tetap melakukan tafsiran sekalipun mereka tidak berkelayakan berbuat demikian. Salafi-jihadi turut bersikap selektif memilih tokoh pautan mereka. Nama-nama seperti Ibnu Taimiah, Ibnu Qayim dan beberapa yang lain lagi, adalah rujukan ‘mestika’ di samping nama-nama kontemporari seperti Muhammad bin Abdul Wahhab, Nasaruddin al-Albani, Bin Baz dan lain-lain yang memperjuangkan wahabisme. Salafi-jihadi memilih tokoh-tokoh yang disebutkan berdasarkan kelainan pemikiran dan pengamalan mereka daripada majoriti umat Islam, namun yang paling terserlah ialah, radikalisme serta fanatisme yang terdapat dalam pandangan tokoh-tokoh tersebut, perkara yang paling diminati oleh salafi-jihadi. Oleh yang demikian, terorisme yang dilakukan oleh mereka tidak boleh tidak dikaitkan, dan sentiasa dikaitkan dengan wahabisme, sekalipun Wahabiah menafikannya.

Penafian sebegini membawa klimaks kontradiksi, yang memerlukan penelitian dan pengemukaan hujah yang tuntas, bagi mendapatkan kebenaran ataupun paling kurang pencerahan, apakah salafi-jihadi itu Wahabiah, atau sebaliknya? Meninjau personaliti salafi-jihadi dan doktrin yang mempengaruhi tindakan ekstrem mereka, adalah skop yang ditumpukan oleh kertas kerja ini.

Justifikasi Salafi-Jihadi

Sebelum membahaskan tentang psikologi salafi-jihadi dan doktrin yang mempengaruhi tindakan ekstrem mereka, terlebih dahulu, dinyatakan secara ringkas siapakah salafi-jihadi? Nama ‘salafi-jihadi’ dengan merujuk kepada anggota militan islamis yang terlibat dengan ekstremisme, telah digunakan secara meluas oleh ahli-ahli akademik, dalam media massa dan media sosial di negara ini, sebelum ia digunakan secara rasmi dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 pada tahun 2014 dan kemudiannya dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia Bilangan 1 pada tahun 2015^[1]. Pada peringkat antarabangsa, nama ‘salafi-jihadi’ turut digunakan akan tetapi dalam dunia Barat, ‘*jihadist*’ (jihadis) atau jihadis-modern lebih kerap digunakan bagi merujuk anggota atau gerakan militan islamis. Walau bagaimanapun, penggunaan nama ‘*jihadist*’ di sana hanyalah bersifat teknikal bagi memudahkan pihak perisikan Barat mengumpul dan merujuk kepada data-data tentang salafi-jihadi, ia tidak meletakkan sebarang jurang makna daripada nama ‘salafi-jihadi’.

Amerika Syarikat dikenal pasti antara negara yang sangat berminat dengan data-data berkenaan salafi-jihadi, malah Amerika Syarikat mempunyai sebuah pengkalan maklumat khas memantau pergerakan salafi-jihadi, yang telah dibina di Maryland. Terdapat data yang mereka kongsi kepada umum dan ada yang sebaliknya, sulit dan rahsia. Data yang dikongsi boleh dicapai melalui capaian internet pada laman sesawang SITE Intelligence Group Enterprise. Di laman tersebut, disenaraikan sebanyak 104 kumpulan militia salafi-jihadi yang masih aktif

beroperasi di seluruh dunia. Jaringan kumpulan yang paling berpengaruh dan mempunyai anggota yang paling ramai, dipelopori oleh **Islamic State (IS)**, diikuti oleh Ansar, kemudian Mujahideen dan kumpulan-kumpulan yang lain^[2].

Berpandukan beberapa kutipan definisi yang terpilih, ‘salafi-jihadi’ boleh dikenali sebagai individu atau sekumpulan individu yang mendakwa beragama Islam, yang berusaha mengubah mafhum ‘jihad’ dalam Islam kepada suatu kefahaman yang baharu dan berlainan. Mereka mengabungkan antara tujuan ‘jihad peperangan’ atau dalam Bahasa Arab disebutkan *al-jihad al-qatl* dan konsep mahdisme atau dalam Bahasa Arabnya *al-mahdawiyyah* yang menatijahkan konsep ‘kemestian berjihad tatkala munculnya Imam Mahdi’. Direkodkan, beberapa individu yang terlibat dengan militia salafi-jihadi telah mendakwa diri mereka sebagai Imam Mahdi. Dakwaan tersebut bukan sahaja diyakini oleh pengikut-pengikut mereka, malah peperangan yang dilancarkan di atasnamakan jihad pada jalan Allah (*al-jihad fi sabilillah*). Semestinya perkara seperti ini mengelirukan ramai orang Islam, kerana di dalam Islam jihad merupakan tuntutan sepanjang masa – apabila syarat-syaratnya dipenuhi –. Kemunculan Imam Mahdi pula memerlukan pra-syarat dan syarat yang telah dimaklumi sabit daripada hadis-hadis dan *athar* (tinggalan para sahabat RA) seperti asal-usul nama dan identitinya (Imam Mahdi)^[3], kemunculannya menghadapi Dajal^[4], perakuan imamahnya oleh Nabi Isa AS^[5] dan tanda-tanda Kiamat yang lain^[6]. Semua pra-syarat dan syarat ini tidak berlaku pada masa kemunculan ‘imam-imam Mahdi jadian’ salafi-jihadi atau selepas mereka mati.

Dari paparan yang diberikan ini, secara kognitif telah memberikan gambaran awal, bagaimana salafi-jihadi tidak memiliki kefahaman yang jelas tentang jihad sepertimana yang difahami oleh mujahidin yang sebenar. Bukan itu sahaja, salafi-jihadi memasukkan ke dalam kefahaman jihad mereka elemen-elemen baharu yang tidak terdapat dalam mafhum jihad yang diajarkan oleh Islam. Mereka memasukkan radikalisme, anarkisme, terorisme, ekstremisme, bunuh diri dan takfir. Roh jihad mereka hanyalah tertumpu pada ‘semangat’ tanpa memahami erti jihad yang sebenar^[7]. Oleh itu mereka dilabelkan sebagai ‘*fervent men*’ (manusia yang hanya bersemangat agama) oleh pengkaji Barat. Meskipun begitu, ‘semangat berjihad’ itulah dikembangkan oleh salafi-jihadi dan mempengaruhi ramai orang, bermula dari Timur Tengah sehinggalah ke Eropah.

Di negara-negara membangun kelas pertama seperti United Kingdom, Prancis, Jerman dan lain-lain, kebanyakan individu yang terlibat dengan gerakan salafi-jihadi adalah orang-orang Islam yang tidak cemerlang sebagai muslim yang sejati. Mereka menjalani gaya ‘hidup kuning’, berjinak dengan pub, tegar alkoholisme dan terjebak dengan jenayah picisan (*petty crime*). Semangat ‘berjihad’ mereka timbul bilamana terpengaruh dengan ajakan persuasif ‘syahid’ yang mampu – pada tanggapan mereka – menghasilkan kecemerlangan jati diri muslim, yang kehilangan sekian lama. ‘*Born-again*’ (dilahirkan semula) di syurga adalah manifestasi ‘semangat berjihad’^[8] yang dicari, dan contoh individu yang telah ‘dilahirkan semula’ di Barat adalah seperti Abdeslam (Abdul Salam) dan Amman Sudesh. Abdeslam bersama abangnya terlibat dengan pengeboman berani mati di Kota Paris pada tahun 2015 dengan mengorbankan 130 nyawa^[9]. Manakala Amman terlibat dengan serangan bersenjatakan pisau ke atas orang awam di Streatham, selatan Kota London pada 3 Februari 2020. Dalam kejadian tersebut, Amman telah ditembak mati oleh pihak berkuasa di tempat kejadian^[10].

Di Nusantara juga tidak terlepas daripada kewujudan salafi-jihadi. Siri-siri pengeboman turut berlaku di negara-negara seperti Indonesia, Malaysia, Thailand dan lain-lainnya, di samping serangan gerila yang menumpukan tempat-tempat tertentu seperti hotel, pejabat kedutaan dan sebagainya. Pelakunya dikenal pasti oleh pihak berkuasa tempatan sebagai orang-orang yang cetek

pengetahuan ilmu agama Islam dan naif, mudah terpedaya dengan diayah jihad salafi-jihadi. Karakter mereka mudah dikenali kerana mempunyai persamaan yang ketara. Seruan mereka seragam, melaungkan apa yang dilaungkan oleh pimpinan mereka: *“Kita harus berserah diri, jangan menggunakan akal, apa yang Allah ta’ala dan Rasulullah sampaikan dan apa yang dicontohkan oleh salaf-salih harus diterima dan diikuti seadanya berdasarkan penterjemahan / penafsiran terhadap nas-nas al-Qur’an dan hadis secara zahir, kerana al-Qur’an diturunkan dalam Bahasa Arab yang jelas”*^[11].

Paradigma yang terselit pada syiar ini sahaja sudah cukup mentafsirkan lemahnya pemahaman salafi-jihadi terhadap agama Islam, apatah lagi terhadap konsep jihad. Larangan terhadap penggunaan akal telah membuktikan kekeliruan fatal mereka terhadap epistemologi ilmu-ilmu Islam. Seruan supaya menerima perintah Allah dan Rasul-Nya, berdasarkan terjemahan zahir ayat al-Qur’an dan hadis, adalah seruan fantasi kerana kandungan perintah Allah dan Rasulullah SAW bersifat holistik – merangkumi bahagian tersurat dan tersirat –, yang tidak difahami oleh masyarakat awam melainkan dengan mendapat huraian dan tunjuk ajar ulama’ yang berpengetahuan dan memahami maksudnya. Paradigma ini bertambah menampakkan kelemahan salafi-jihadi apabila mereka mendakwa para salaf sebagai ikutan, walhal para salaf itu tidak pernah mentafsirkan al-Qur’an dan hadis semata-mata berdasarkan literal, malah mereka menggunakan akal seoptimumnya bagi menghasilkan ilmu pengetahuan.

Apabila dirumuskan semua penjelasan tentang salafi-jihadi di atas, mereka boleh diidentifikasi dengan ciri-ciri berikut:

1. Terdiri daripada orang-orang yang cetek pengetahuan tentang Islam dan konsep jihad yang sebenar.
2. Menjadikan jihad yang mereka fahami sebagai jalan keluar daripada kesilapan atau dosa lampau.
3. Terangsang dengan pemikiran radikalisme dan mudah terpengaruh dengan ajakan berperang.
4. Mengamalkan fahaman wahabisme.
5. Melibatkan diri dengan aktiviti terorisme.
6. Menjadi ahli militan yang mempunyai jaringan global.
7. Mendapat latihan ketenteraan atau penyediaan senjata dan bom secara sulit.
8. Sering mencetuskan kontroversi melalui persoalan agama.
9. Anarkis.
10. Provokatif terhadap orang Islam yang tidak menyertai atau menyokong mereka.

Ciri-ciri di atas sudah memadai menegaskan bahawa salafi-jihadi adalah ekstremis yang menggunakan nama Islam sebagai wadah gerakan mereka. Meskipun mereka direkodkan sebagai pelampau, bilangan hanya sedikit dan dikutuk dunia, salafi-jihadi terus berkembang, mempengaruhi belia-belia khususnya, merekrut ahli-ahli baharu dan melancarkan serangan-serangan di merata-rata tempat. Tanpa mereka insafi, mereka telah melengkapkan julat penjenayah perang dunia yang mengancam kesejahteraan manusia sejagat.

Kondisi Psikologi

Paparan terdahulu sedikit sebanyak telah menyentuh bentuk psikologi individu yang menganggotai salafi-jihadi. Memperihalkan perkara ini dengan lebih lanjut, asasnya, mereka memiliki ciri-ciri psikologi yang boleh dicam dengan mudah, yang menjadikan mereka berbeza daripada orang lain. Perkara yang paling tampak pada anggota salafi-jihadi ialah penginterpretasian sempit urusan keagamaan. Mereka gemar memaparkan pandangan dengan cara

menekan tanpa memberi ruang untuk perbincangan^[12]. Seolah-olah pandangan mereka muktamad menepati kehendak Islam tanpa mengambil kira pandangan sarjana muslim yang muktabar. Apa yang diketahui, tujuan salafi-jihadi berbuat demikian adalah untuk menampakkan kelainan daripada apa yang telah disepakati, diterima dan diamalkan oleh umat Islam. Anggota salafi-jihadi turut melakukan provokasi melalui ucapan kasar dan biadap menggunakan perkataan-perkataan seperti bidaah, syirik, sesat dan seumpamanya terhadap praktis orang Islam^[13].

Tindakan yang dilakukan oleh anggota salafi-jihadi itu menggambarkan terdapat suatu yang hilang pada psikologi mereka. Menurut Abdullah al-Qarni, ahli psikologi yang terlibat dengan pemulihan banduan militer salafi-jihadi di Arab Saudi, beliau dapati jiwa insaniah banduan-banduan tersebut telah dibunuh oleh terorisme. Personaliti dan cara mereka berfikir ‘dingin’ persis teroris yang bukan muslim – seperti Irish Republican Army atau Tamil Tigers –, bahkan mereka semua sudah tidak boleh dibezakan antara satu dengan yang lain^[14], mereka semua telah kehilangan introspeksi dan empatik dengan kadar yang tinggi. Kehilangan introspeksi dikesan bilamana anggota salafi-jihadi tidak menyedari kelemahan diri sendiri dalam urusan agama, sementara kehilangan empatik pula dikesan bilamana mereka menunjukkan ketidakpekaan dan kejahilan terhadap keluasan Islam (*rukhsah*), yang adil dan mengimbangi kepelbagaian budaya, di samping demografi manusia serta kemampuan mereka.

Faktor kehilangan dua perkara tersebut (introspeksi dan empatik) disebabkan oleh tenggelamnya anggota salafi-jihadi dalam latar hidup yang pernah mereka jalani, yang jauh daripada ajaran agama, sifar moral dan tidak mematuhi hukum-hakam Islam, walaupun mereka dilahirkan dalam keluarga yang ahlinya mematuhi ajaran Islam. Atau yang pernah menjalani hidup sebagai penganut agama lain selain Islam dan mereka tidak menemui kepuasan beragama melainkan setelah memeluk Islam (*mualaf*) – sebagai contoh Tarkan Tayumurazovich Batirashvili atau nama / gelaran Islamnya Omar Shishani –. Atau juga yang tidak pernah mendalami pengajian agama mengikut saluran perdana dan betul, kemudian mereka kembali kepada Islam^[15], tetapi kembalian dengan memilih tafsiran Islam yang berorientasikan radikalisme dan ekstremisme. ‘*Re-engagement*’ atau mendekat kembali kepada ajaran Islam, itulah caranya anggota salafi-jihadi kembali kepada Islam. Ia pada hakikatnya hanyalah sekadar menghidupkan semangat beragama tanpa pengisian keagamaan. Perkara inilah yang menghasilkan manusia berfikiran sendiri mencipta dogma agama – yang mereka katakan sebagai ‘Islam tulen’ – dan mempertahankan pemikiran mereka itu dengan sikap dan cara yang ekstrem^[16].

Ringkasnya, anggota salafi-jihadi adalah manusia yang memiliki ruang kognitif kosong tentang Islam. Mereka pula enggan mengisi ruang tersebut dengan pengetahuan yang betul dan kebersediaan untuk memahami tentang Islam, sebaliknya mereka mengisinya dengan tafsiran dan olahan pemikiran sendiri, yang terbina daripada intergrasi semangat beragama, radikalisme dan ekstremisme. Di sisi ahli psikologi – khususnya yang mengikuti aliran strukturalisme Wilhelm Wundt – anggota salafi jihadi tergolong daripada pesakit psikologis yang mengalami gangguan ektrospeksi-negatif^[17].

Selektif Informasi

Kesan yang ketara daripada keenganan salafi-jihadi mengisi ruang kognitif kosong mereka tentang Islam dengan pengetahuan yang betul, mereka menghadkan pengajaran agama atau penghuraiannya bias kepada tokoh-tokoh pautan mereka sahaja. Mereka tidak menerima pandangan apatah lagi pengajaran ilmuwan Islam lain – sekalipun ulama’ prolifk yang diiktiraf muktabar – yang tidak bersefahaman dengan fahaman mereka. Dengan kata lain, salafi-jihadi

sebenarnya mengamalkan dasar tertutup dalam memahami Islam. Sikap selektif salafi-jihadi turut menghadkan sumber agama, mereka hanya menerima keterangan zahir al-Qur'an dan hadis yang disahkan oleh ilmuwan hadis sahaja. Justeru, mereka menolak sumber lain yang diperaku oleh Islam seperti *qiyas* (kias syarak), *ijmak*, dan *'urf* (konvensional), yang mana sumber-sumber ini membantu menjelas dan menyesuaikan kandungan al-Qur'an dan hadis ke dalam kehidupan manusia. Implikasi penolakan sumber-sumber ini menjadikan fahaman keagamaan salafi-jihadi sempit lagi terpesong.

Inilah yang disaksikan berlaku, mengapa salafi-jihadi sanggup membunuh orang awam yang tidak bersalah, kerana salafi-jihadi tidak memahami isi kandungan al-Qur'an dan hadis Nabi SAW. Lebih memeranjatkan lagi, mereka sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat 'pembunuhan' sekalipun mendapatkan artileri daripada kafir-harbi. Perkara ini telah disebutkan dalam deklarasi Muhammad al-'Adnani, ketua operasi ketenteraan dan jurucakap rasmi **Islamic State of Iraq and Syria (ISIS)** kepada sekalian gerakan militia di Timur Tengah^[18]. Penolakan kepada sumber-sumber autentik Islam selain al-Qur'an dan Sunnah menandakan salafi-jihadi tidak mengikuti mana-mana mazhab fiqah atau akidah yang ada dalam agama Islam, atau yang diiktiraf oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Bencana akibat penolakan salafi-jihadi tersebut ialah kekacauan pada pelaksanaan ibadat umat Islam, yang terdiri dari latar belakang dan demografi yang berbeza, dan ia (bencana) sedang berlaku sekarang.

Apabila umat Islam mempertahankan pengamalan ibadat mereka, salafi-jihadi membalasnya pula dengan pembidaahan. Tidak terhenti di situ sahaja, mereka mengheret pembidaahan – dari pengamalan atau ibadat – sehingga kepada pentadbiran negara dengan menuduh perlembangan undang-undang yang diguna-pakai oleh negara-negara, yang dihuni oleh majoriti orang Islam sekarang adalah perlembangan yang tidak Islamik. Tuduhan salafi-jihadi ini sebenarnya hanyalah sebuah alasan untuk mereka mendirikan 'khilafah' mengikut acuan mereka sendiri^[19]. Kemuncak sikap selektif ditonjolkan salafi-jihadi ialah melalui perekaan hukum-hakam yang mesti menepati matlamat gerakan dan hawa nafsu mereka, sebagai contoh fatwa mewajibkan 'jihad nikah'. Ia ditakrifkan sebagai nikah dalam satu tempoh waktu yang singkat. Pasangannya adalah wanita tawanan, tanpa mengira status – sama ada janda, bersuami atau belum berkahwin – . Satu lagi takrif bagi 'jihad nikah' ialah kerelaan wanita-wanita muslimah berkahwin dengan anggota militer salafi-jihadi, khususnya di negara-negara bergolak. Perkahwinan ini juga bertempoh dan apabila tamat tempoh satu-satu perkahwinan, wanita-wanita terbabit dibolehkan pula berkahwin dengan anggota salafi-jihadi yang lain. Kejelikan 'perkahwinan' ini menurut Mufti Besar Republik Arab Mesir, Prof. Dr. Shawqi Ibrahim, adalah sangat besar. Ia adalah zina yang menggunakan nama agama Islam. Ia suatu yang sangat keji, dan lebih menyedihkan, ia menjatuhkan maruah wanita-wanita muslimah^[20].

Objektif Jihad

Sikap selektif salafi-jihadi menjuruskan kepada satu prospektus "mereka bersedia dididik dengan radikalisme dan melanggar segala undang-undang yang menyekat kemahuan mereka atau anarkis". Prospektus yang menggambarkan kelemahan telah lama wujud dalam diri anggota salafi-jihadi sebelum mereka terlibat melancarkan sebarang tindakan ekstremisme. Kelemahan yang tidak dapat disangkal ini, bilamana dilihat dari sudut falsafah 'perjuangan' mereka pula, ia tidak mempunyai sebarang makna. Ini bermakna, salafi-jihadi tidak mempunyai sebarang tujuan dalam perjuangan mereka.

‘Jihad’ yang dilaungkan oleh salafi-jihadi bukan jihad Islam. Jihad dalam Islam dilakukan dengan tujuan mempertahankan Islam, menentang kekejaman musuh, membebaskan manusia – termasuklah orang kafir *dhimmi* (yang patuh) –, mengembalikan keadilan, menyekat penularan fitnah, memelihara kelestarian pegangan agama Islam, mengaspirasikan kecemerlangan dalam barisan umat Islam dan menjaga kehebatan kerajaan Islam^[21]. Berbeza dengan ‘jihad’ salafi-jihadi, ia hanyalah semata-mata terlibat dalam peperangan atau pembunuhan. Perkara ini dikenal pasti daripada pesanan ketua militia **Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL)**, Abu Bakar al-Baghdadi kepada militernya: “*Jika kalian bertahan, tuhan akan membantu kalian dan menganugerahkan kalian kemenangan serta memperkukuhkan kedudukan kalian. Ketahuilah, sesungguhnya syurga berada di bawah bayangan pedang. Ketahuilah, meskipun sebahagian komander kalian telah terkorban, tuhan akan menggantikan mereka dengan orang yang sama kemampuannya atau lebih baik*”^[22].

Pesanan al-Baghdadi tidak menyentuh penaklukan negara sama ada Syiria atau Iraq melainkan hanya menyuruh bertahan dan menyerang bila berpeluang. Jika pesanan ini tetap dibaca dan diterima sebagai penaklukan negara-negara yang disebutkan, bagaimana pula bacaan dan penerimaan terhadap kes-kes pembunuhan dan serangan yang dilakukan secara bersendirian di lokasi yang tidak bergolak? Tidakkah siri-siri serangan atau pengeboman ‘*lone wolf*’ atau ‘*homegrown terrorists*’ adalah satu lagi bentuk ‘jihad’ – yang dianjurkan oleh salafi-jihadi^[23]. Adalah tidak masuk akal jika hendak dirumuskan bahawa pembunuhan dan serangan yang dilakukan salafi-jihadi tanpa sebarang tujuan ketenteraan, meskipun mereka sebuah gerakan militan. Tetapi itulah realitinya apabila tujuan jihad mereka diselidik secara ilmiah. Mereka sebenarnya tidak mahu mengambil alih pemerintahan Iraq atau Syiria atau menakluk mana-mana negara kerana mereka sedar ketidakupayaan – politik dan hubungan luar – mereka dalam mentadbir negara^[24], apa yang mereka mahukan hanyalah didedahkan, dikenali. Mereka mahu digeruni oleh masyarakat dunia dengan kemampuan ketenteraan dan ideologi mereka.

Kemahuan salafi-jihadi ini tidak dapat dikesan pada peringkat awal pergerakan mereka^[25] sehinggalah ia dizahirkan oleh Abu Mus’ab al-Zarqawi. Dia menyiarkan siri-siri serangan ke atas orang awam dan pembunuhan tawanan yang ditangkap dengan siaran umum di televisyen atau YouTube. Al-Zarqawi menggunakan cara yang kejam – seperti menyembelih, membakar hidup-hidup dan sebagainya – dengan motif memberitahu dunia, betapa dia membenci ‘musuh-musuh Islam’. Al-Zarqawi mendapat kecaman hebat dunia di atas kekejamannya. Meskipun begitu, dia turut mendapat sokongan dari segelintir masyarakat Islam. Mereka menganggap tindakan al-Zarqawi adalah cara yang tepat ‘menghapuskan musuh-musuh Islam’ setelah melihat pemimpin-pemimpin dunia Islam lemah berdepan dengan kekejaman dan penindasan Barat serta sekutunya. Daripada mereka yang menyokong al-Zarqawi, ada yang menjadi militer, menyertai gerakan salafi-jihadi dan tidak sedikit pula mempertahankan ideologi salafi-jihadi^[26]. Al-Zarqawi turut mendapat amaran daripada ketua-ketua militia salafi-jihadi yang lain seperti Ayman al-Zawahiri, ‘Atiyyah Abdul Rahman dan Osama Laden sendiri^[27], akan tetapi amaran itu tidak diendahkan oleh al-Zarqawi dan pengikut-pengikutnya. Malah metod al-Zarqawi itulah yang menjadi modus operandi salafi-jihadi sehingga ke hari ini.

Acuan Doktrin

Setelah mengetahui bahawa objektif ‘jihad’ salafi-jihadi hanyalah mahu didedahkan, pastinya pemberitahuan ini bertentangan dengan kewujudan doktrin-doktrin yang terdapat dalam visi perjuangan mereka seperti ‘hijrah’, ‘mahdisme’ dan lain-lain lagi. Doktrin-doktrin ini tampak

membuktikan salafi-jihadi mempunyai tujuan ‘jihad’ yang absah, bukan semata-mata berperang dan membunuh. Bagi menafikan kenyataan terbabit, beberapa perspektif berikut boleh membantu memberikan gambaran awal, kenapa doktrin-doktrin yang disebutkan diwujudkan dalam perjuangan salafi-jihadi:

Pertama, gerakan salafi-jihadi masih mendapat perhatian daripada segelintir orang ramai sekalipun ‘jihad’ salafi jihadi tidak mempunyai sebarang tujuan kecuali semata-mata berperang dan membunuh. **Kedua**, orang ramai yang terpengaruh dengan gerakan salafi-jihadi tidak mengambil tahu tentang tujuan sebenar ‘jihad’ salafi-jihadi atau tidak mempedulikannya di atas faktor psikologi dan sikap selektif mereka, sebagaimana kami telah terangkan dahulu. **Ketiga**, doktrin-doktrin yang diindoktrinasi ke dalam ideologi salafi-jihadi seperti ‘hijrah’, ‘mahdisme’ dan lain-lainnya adalah ajakan provokatif kepada orang ramai yang sudah terpengaruh atau yang telah menganggotai gerakan salafi-jihadi, supaya mereka percaya bahawa mereka telah menerima suatu yang bersifat Islamik, yang mana ia juga menepati keinginan mereka ‘kembali kepada Islam’ (*re-engagement*).

Perspektif yang ketiga, apabila diteliti, ia jelas bersifat memperdaya, dan inilah sebab utama mengapa doktrin-doktrin tersebut diindoktrinasi oleh salafi-jihadi. Indoktrinasi yang mengaburkan pandangan orang ramai atau anggota salafi-jihadi sendiri terhadap tafsiran sebenar doktrin-doktrin tersebut dan seterusnya melemaskan mereka dalam ‘jihad’. Justeru, bukan doktrin-doktrin itu yang mempengaruhi ekstremisasi tetapi bagaimana acuan (indoktrinasi) doktrin-doktrin itu dibentuk.

Mengapa doktrin-doktrin ini sahaja yang diindoktrinasi adalah merujuk kepada kebolehdoktrinasi doktrin-doktrin tersebut selaras dengan tasawur ‘jihad’ yang diperjuangkan oleh salafi-jihadi. Bagaimana pula doktrin-doktrin tersebut diindoktrinasi adalah melalui huraian yang diberikan oleh mereka, berikut adalah perinciannya:

Hijrah

Hijrah menurut syarak membicarakan dua konteks yang sangat penting kepada umat Islam. **Pertama**, hijrah sebagai pemangkin progresif umat Islam, iaitu perubahan daripada keburukan kepada kebaikan. **Kedua**, hijrah sebagai perpindahan orang Islam dari suatu tempat ke tempat yang lain, dengan tujuan menyelamatkan diri daripada penindasan atau menegakkan syiar Islam. Kedua-dua konteks ini diinduksi daripada petunjuk Rasulullah SAW yang bermaksud “*muhajir ialah orang yang meninggalkan apa yang ditegah oleh Allah*”^[28].

Berbeza dengan pemahaman salafi-jihadi, hijrah ialah migrasi ke negara-negara konflik, bagi melibatkan diri dengan peperangan. Bagi kumpulan IS misalnya, mereka mengkonseptualisasikan hijrah sebagai “migrasi ke negara Iraq dan Syria bagi menyertai ‘jihad’ di sana”^[32]. ‘Hijrah’ mereka dianggap mencapai maksudnya apabila pembunuhan berlaku, bahkan boleh dianggap cemerlang dengan pembunuhan 3,585 orang awam pada tahun 2018 sahaja. Satu jumlah kumulatif yang menyumbang sebanyak 10 peratus kepada jumlah keseluruhan kematian pada tahun tersebut disebabkan oleh terorisme, iaitu sebanyak 32,836 orang^[29].

Pembunuhan yang menjadi motif ‘hijrah’ jauh tersasar daripada hijrah yang sebenar diterima Islam. Ia sudah amat jelas daripada penerangan hadis Rasulullah SAW yang lalu “*meninggalkan apa yang ditegah oleh Allah*”, dan pembunuhan yang dilakukan oleh IS adalah suatu yang ditegah Allah SWT. Tambahan lagi, semasa Rasulullah SAW menyebutkan tentang hijrah, Baginda mengaitkannya dengan keselamatan, malah ia ditekankan terlebih dahulu sebelum Baginda memperkenalkan apakah itu hijrah. Baginda bersabda “*muslim ialah orang yang menyelamatkan*

orang-orang Islam daripada lidah dan tangannya, manakala muhajir ialah orang yang meninggalkan apa yang ditegah oleh Allah”.

Naratif hadis disebutkan ini telah konsisten disebutkan oleh al-Bukhari dalam *Sahih* pada bilangan hadis ke-10 dan ke-6,484^[30], memberi perhatian bahawa hijrah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW mesti membawa kesejahteraan kepada muhajir dan kontak sekelilingnya, bukan sepertimana yang difahami oleh salafi-jihadi.

Mahdisme

Sebelum menjelaskan bagaimanakah doktrin ‘Imam Mahdi’ dihuraikan oleh salafi-jihadi, dijelaskan dahulu tentang mahdisme bagi mendapatkan kefahaman menyeluruh perbincangan yang akan dikemukakan di sini. Ideologi mahdisme (*al-mahdawiyyah*) dalam kefahaman Islam, berkait rapat dengan kebangkitan Islam di akhir zaman. Imam Mahdi disifatkan sebagai penyelamat umat Islam daripada kekejaman musuh, telah disebutkan oleh Nabi SAW. Baginda memperkenalkan ‘Imam Mahdi’ dengan sifat-sifatnya tanpa memberikan justifikasi yang jelas terperinci, yang tuntas memperkenalkan identitinya^[31]. Oleh itu, perbincangan tentang ‘Imam Mahdi’ menjadi polemik yang mencetuskan dikotomi umat Islam kepada dua kumpulan:

Kumpulan pertama: mereka menerima konsep ‘Imam Mahdi’ sebagai satu gerakan yang dilancarkan oleh umat Islam. Kumpulan ini menolak kemahdian seorang lelaki-penyelamat, dengan dakwaan bahawa keterangan-keterangan hadis berkenaan ciri personaliti-fizikal ‘Imam Mahdi’ tidak mencapai tahap sahih. Bagi kumpulan ini, kepercayaan wujudnya penyelamat – sama ada berupa lelaki atau wanita – pada akhir zaman adalah racun kepada umat Islam, membuatkan mereka berharap dan menyerah diri tanpa usaha melepaskan diri dari belenggu yang menyempitkan agama dan hidup mereka. Hal ini semestinya memundurkan semangat kompetensi mereka dan memudaratkan Islam, sebagai sebuah agama suci yang natural progresif^[32]. Di antara individu yang menolak konsep ‘Imam Mahdi’ sebagaimana yang telah dibentangkan ialah Ibn Taymiyyah^[33], Ibn Khaldun^[34], al-Hut al-Biruti^[35], Rashid Rida^[36], Muhammad Farid Wajdi^[37] dan beberapa tokoh yang terkenal dalam dunia Islam.

Kumpulan kedua pula: mereka menerima konsep ‘Imam Mahdi’ sebagai seorang lelaki-penyelamat umat Islam berdasarkan petunjuk-petunjuk Nabi SAW dan para Sahabat RA. Walau bagaimanapun, kumpulan ini berselisih pandangan tentang siapakah ‘Imam Mahdi’.

Syiah – salah satu kelompok dari kumpulan kedua ini – mendakwa ‘Imam Mahdi’ ialah setiap pemimpin mereka – bergelar ‘imam’ – yang dipilih melalui *ta’yin* (penentuan) dan *nassi* (dinaskan). Bagi Syiah, ‘imam’ mereka adalah ‘Imam Mahdi’, yang dibangkitkan semula selepas daripada mati. Oleh kerana Syiah terpecah kepada pecahan yang banyak dan setiap pecahan mendakwa ‘imam’ mereka sebagai Imam Mahdi maka menjadikan Imam Mahdi di sisi kelompok Syiah lebih dari seorang^[38]. Berbeza pula dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, mereka tidak mengenal Imam Mahdi sebagaimana yang dikenali oleh Syiah ke atas ‘imam’ mereka^[39].

Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah hanya berpegang Imam Mahdi dikenali menjelang ‘akhir zaman’, sebagaimana diisyaratkan oleh Rasulullah SAW “*tidak akan pergi – atau tidak akan berakhir – dunia ini sehinggalah [bangsa atau tanah] Arab dimiliki [penguasaannya oleh] seorang lelaki dari ahl bayt (keturunan Baginda)...*”^[40]. Dalam hadis yang lain pula, Baginda menggambarkan suasana ‘akhir zaman’ itu “*dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman*”^[41]. Suasana rencam ini telah dialami oleh umat Islam pada beberapa ketika yang lalu, dan mereka turut merasai suasana paradoksikalnya “*yang dipenuhi keseimbangan dan keadilan*” di tangan beberapa orang tokoh muslim. Oleh kerana terdapat persamaan di antara suasana ‘akhir zaman’

yang disabdakan oleh Nabi SAW dengan dua suasana yang dirasai sendiri oleh umat Islam, maka tokoh-tokoh yang muncul memberikan ‘keseimbangan dan keadilan’ pada ketika itu digelar ‘Imam Mahdi’, sepertimana yang pernah berlaku kepada Muhammad bin Ali bin Abi Talib atau terkenal dengan nama Muhammad al-Hanafiyyah atau Ibn al-Hanafiyyah (w. 81H), Umar bin Abdul Aziz (w.101H) dan Muhammad bin Tumart (m. 524H)^[42] dan lain-lain lagi.

Sungguhpun digelar ‘Imam Mahdi’, tokoh-tokoh tersebut tidak pernah mengangkat diri mereka sebagai Imam Mahdi, kerana mereka amat memahami, perkhabaran tentang ‘Imam Mahdi’ yang disampaikan oleh Rasulullah SAW tidak hanya berkisar tentang masa kemunculan dan suasana ‘akhir zaman’, bahkan berkait dengan kemunculan Dajal, Nabi Isa AS dan tanda-tanda Kiamat yang lain. Semuanya tidak pernah berlaku pada ketika hidup atau setelah kewafatan tokoh-tokoh yang disebutkan tadi. Akan tetapi, perkara sebaliknya yang dilakukan oleh salafi-jihadi. Beberapa orang individu daripada mereka dikenal pasti telah mengaku sebagai ‘Imam Mahdi’. Di sini dibawakan beberapa nama individu terbabit:

Individu pertama ialah **Shukri Ahmad Mustafa (m. 1978)**, penggerak utama kumpulan *Jama'ah al-Muslimin* atau dikenali dengan dua nama lain iaitu *Jama'ah al-Da'wah wa al-Hijrah* dan *Jama'ah al-Takfir wa al-Hijrah*. Selain mengaku dirinya Imam Mahdi, Shukri turut memperaku kedudukannya setaraf dengan kedudukan Rasulullah SAW. Shukri turut mendakwa bahawa dia tidak akan mati sehingga Kiamat dan kumpulan yang dipimpinnya adalah umat yang terakhir dan terbaik^[43]. Individu kedua pula ialah **Muhammad al-Qahtani (m. 1979)**, ipar kepada Juhayman al-‘Utaybi, yang dikenali sebagai pengganas yang melakukan pengepungan terhadap Masjid Haram pada tahun 1979. Pengepungan itu dilakukan bertujuan menabalkan al-Qahtani sebagai Imam Mahdi. Al-Qahtani memberitahu, bahawa dia telah dilantik oleh Rasulullah SAW melalui mimpi. Sebelum daripada itu, dia telah menemui bukti bahawa dia akan menjadi Imam Mahdi, iaitu berdasarkan namanya dan nama bapanya (Muhammad bin Abdullah al-Qahtani), telah disebutkan oleh Nabi SAW “mahdi, namanya menyamai nama ku, dan nama bapanya menyamai nama bapa ku”^[44]. Sepertimana juga Shukri yang mendakwa tidak akan mati sehingga Kiamat, dakwaan yang sama diungkapkan oleh al-Qahtani^[1]. Manakala individu ketiga ialah **Abu Bakar al-Baghdadi (m. 2019)** atau nama sebenarnya Ibrahim bin Awad al-Badri al-Samarani, pengasas militia ISI, kemudian diberi nama ISIS dan terakhir dengan nama ISIL. Dia mengaku sebagai Imam Mahdi berdasarkan silsilah keturunannya yang bersambung kepada Rasulullah SAW^[45]. Baginda telah mengisytiharkan bahawa “*Mahdi dari keturunan ku, dari anak lelaki Fatimah*”^[46].

Didapati, alasan yang dikemukakan oleh imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi tidak kukuh sama sekali, ia mustahil menepati ciri-ciri kemahdian yang disifatkan oleh Rasulullah SAW. Justeru, apakah mereka tidak menyedari, tindakan yang mereka lakukan itu menjurus kepada satu pembohongan? Jika dikatakan, mereka tidak berpegang dengan konsep kemahdian lelaki-penyelamat akhir zaman, dan menyetujui pandangan Ibn Taymiyyah dan kumpulannya, sudah pasti imam-imam mahdi jadian tidak melakukan pengakuan itu. Maka, apakah sebab sebenar mereka lakukan pengakuan tersebut?

Konseptual Mahdisme Salafi-Jihadi

Sebelum didedahkan tujuan sebenar mereka, kami terangkan terlebih dahulu bagaimana salafi-jihadi membina dakwaan kemahdian mereka. Apa yang dapat dikesan, terdapat tiga unsur pemikiran yang berbeza telah digabungkan salafi-jihadi bagi membina dakwaan kemahdian tersebut:

Pertama, unsur pemikiran Syiah, berpandukan kepada *ta'yin* (penentuan) dan *nassi* (dinaskan), iaitu kaedah pemilihan *al-imam* (ketua rohani dan politik) yang mana *al-imam* juga merupakan Imam Mahdi selepas bangkit dari kematian mereka. Ternyata imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi mengadaptasi sebahagian prinsip *ta'yin* dan *nassi*. Mereka dan pengikut mereka menentukan sendiri Imam Mahdi dan menaskan Imam Mahdi sama ada berpandukan daripada sumber mimpi, atau sangkaan pada persamaan nama dengan nama Rasulullah dan pada kewujudan pertalian nasab dengan Baginda. **Kedua**, unsur pemikiran Ibn Taymiyyah dan pihak yang bersefahaman dengannya, yang menafikan konsep kemahdian lelaki-penyelamat. Imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi menggunakan unsur pemikiran ini bagi memansuhkan khabar hadis tentang masa dan suasana akhir zaman sebagai syarat kemunculan Imam Mahdi. Dengan ini, Imam Mahdi dalam kefahaman salafi-jihadi boleh sahaja muncul tanpa syarat-syarat kemunculan yang disebutkan secara denotasi oleh Rasulullah SAW. **Ketiga**, unsur pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, yang berpegang dengan ketetapan khabar dari Rasulullah SAW berkenaan Imam Mahdi seperti nama, personaliti-fizikal dan keturunannya. Imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi menggunakan unsur pemikiran tersebut mereka-cipta persamaan pada diri mereka, yang berpadanan dengan ciri-ciri Imam Mahdi yang dikhabarkan oleh Rasulullah SAW.

Gabungan tiga unsur pemikiran ini mewujudkan satu tasawur baharu terhadap konsep mahdisme, iaitu Imam Mahdi yang boleh mengisytiharkan dirinya, oleh dirinya sendiri, dan dia pula tidak termasuk ke dalam syarat-syarat besar Kiamat. Ternyata konsep mahdisme salafi-jihadi mempunyai kelemahan yang ketara.

Pertama, dari sudut pengabungan tiga unsur pemikiran yang dibawakan, menampakkan salafi-jihadi buta sejarah dan konflik dalaman Islam, kerana mengabungkan sebahagian pemikiran dari tiga sekta yang saling *khilaf* (bertembung)^[47], dengan tanpa memikirkan impak daripada pengabungan tersebut. **Kedua**, tasawur konsep Imam Mahdi yang menyalahi ciri-ciri substantif kemahdian, yang diberikan oleh hadis-hadis Rasulullah SAW. Imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi mengisytiharkan diri mereka sendiri sementara Imam Mahdi sebenar menurut Rasulullah SAW, diperakukan oleh Nabi Isa AS, “Baginda akan menunaikan solat fardhu Subuh di belakang imam para muslimin, dan Baginda tidak mendahulukan dirinya daripada imam tersebut”^[1]. Bahkan Nabi Isa AS bertegas “yang layak ke depan adalah yang telah berada di depan kalian, maka solatlah bersama mereka”^[48], memperakukan imam jemaah muslimin pada saat itulah Imam Mahdi^[49].

Berkecualan pembaihan pula, imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi dibaiah oleh pengikut-pengikut mereka sahaja, dan imam-imam jadian itu sendiri yang mengobligasikan baiha tersebut ke atas pengikut-pengikut mereka, seakan imam-imam jadian terdesak memerlukan jawatan itu. Bersalahan dengan hadis Rasulullah SAW pula, Baginda memberitahu “Mahdi dibaiah oleh penduduk Mekah, sekalipun beliau enggan dibaiah. Kemudian dibaiah oleh penduduk Syam dan Iraq”^[50]. Manakala berkenaan Imam Mahdi tidak termasuk ke dalam syarat-syarat besar Kiamat, ia bertentangan dengan hadis sahih yang menerangkan turunnya Nabi Isa AS^[51], pembawa rahmat serta berkat^[52], kebangkitan Islam dan kehancuran kebatilan^[53], daripada syarat-syarat besar Kiamat, yang turut berlaku pada masa kemunculan Imam Mahdi^[54].

Kesemua fakta berdasarkan dalil hadis-hadis yang dibawakan sudah cukup untuk membongkar konsep mahdisme versi salafi-jihadi serta sudah cukup berupaya membongkar kepalsuan konsep tersebut. Tidak hanya terhenti di situ sahaja, dakwaan-dakwaan imam-imam mahdi jadian salafi-jihadi, seperti pelantikan berdasarkan mimpi, persamaan nama dengan nama Rasulullah SAW dan bersambung silsilah nasab dengan keturunan Baginda, turut sama dibatalkan. Malah dakwaan mereka tidak akan mati sehingga Kiamat ternyata palsu, bilamana mereka

mengalami kematian. Lebih menghinakan, mereka mati dalam keadaan yang tragis seperti digantung^[55], ditembak^[56] dan bunuh diri^[57].

Kesimpulan

Dengan pendedahan yang dikemukakan, ternyata doktrin kemahdian salafi-jihadi tidak menepati panduan al-Qur'an, hadis dan sumber-sumber autentik Islam yang lain. Ini memberi konklusi awal, doktrin tersebut pasti bukan daripada ajaran Islam. Jika doktrin terbabit pula dikaitkan dengan 'jihad', maka itu bukan jihad yang dianjurkan oleh Islam. Justeru, dengan kesimpulan sebegini, mengapa salafi-jihadi masih lagi mengindoktrinasi mahdisme ke dalam ideologi mereka dan disebar luas kepada orang ramai?

Jawapannya, salafi-jihadi melaungkan penentangan terhadap segala bentuk sistem pentadbiran pasca-modenisasi, sama ada birokrasi ataupun monarki, sekalipun yang telah diamalkan berabad-abad di negara-negara Islam, termasuklah Arab Saudi. Sekalipun sistem pentadbiran pasca-modenisasi bersadurkan ciri-ciri Islam – contohnya yang diamalkan di negara ini, Malaysia –, salafi-jihadi menganggap sistem tersebut tidak berbeza dengan mana-mana sistem taghut yang lain, yang mana semuanya mendapat campur tangan Barat. Salafi-jihadi berpegang, sistem pentadbiran sebegini mesti dihentikan, dan mengembalikan sistem pentadbiran Islam yang tulen. Bagi mereka, sistem pentadbiran Islam yang dimaksudkan ialah sistem beralaskan teokrasi. Oleh sebab itu, mereka mengemukakan doktrin mahdisme berikutan doktrin ini sahaja yang mempunyai relevansi dengan pemerintahan, yang ditemui pula terdapat dalam sumber wahyu – al-Qur'an dan hadis –. Di samping itu, falsafahnya yang boleh dieksplotait, membolehkan doktrin mahdisme diguna bagi menjelmakan 'kepimpinan ilahi' ketua-ketua salafi-jihadi, bertujuan meraih pengaruh dan sokongan orang ramai.

Rujukan

- JAKIM E-SMAF, 2015. Isu Umat Islam Yang Terlibat Dengan Perjuangan Islamic State. SITE Intelligence Group Enterprise (ent.siteintelgroup.com/jihadist-group).
- Ahmad bin muhammad bin Hanbal al-Shaybani, *musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, (jil. 1, t.tp., mu'assah al-Risalah, 2001), 376-377. Hadis yang sama juga diterbitkan oleh al-Tirmidhi, Abu Dawud dan lain-lain.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Qashiri al-Nisaburi, *sahih Muslim*, ed. Ahmad Jad (hadis. 2942, Kaherah, dar al-ghadd al-jadid, 2008), 1040-1042.
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *sahih al-Bukhari*, ed. Dr. Muhammad Tamir, susunan penomboran hadis oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi (hadis. 2449, Kaherah, dar al-Hadis, 2011), 565.
- Muhammad bin Abdullah al-Hakim al-Nisaburi, *al-mustadrak 'ala al-sahihayn* (jil. 4, t.tp., dar al-Haramayn li al-tiba'ah wa al-nashr wa al-tawzi', t.t), 601.
- Salim al-Bahansawi, *al-hukm wa qadiyyah al-takfir al-Muslimin* (cet. ke-4, Mansoura: dar al-Wafa' li al-tiba'ah wa al-nashr wa al-tawzi', 1994), 27.
- Olivier Roy, "Who are The New Jihadis?" (The Guardian, laman sesawang <https://www.theguardian.com/news/2017/apr/13/who-are-the-new-jihadis>, diterbitkan pada 13 April 2017).
- BBC News, "Salah Abdeslam: Five Things About Paris Attacks Suspect" (laman sesawang <https://www.bbc.com/news/amp/world-europe>, diterbitkan pada 23 April 2018).

- The Guardian, “*Sudesh Amman: How Did Science Student Become Streatam Jihadist?*” (laman sesawang <https://www.theguardian.com/uk-news/2020/feb/03/sudesh-amman-how-did-science-student-become-streatham-jihadist?>, diterbitkan pada 3 Februari 2020).
- Zulkarnain Haron dan Nordin Hussin, “*Islam di Malaysia: Penilaian Semula Fahaman Salafi Jihadi dan Interpretasi Jihad oleh Al Jama’ah Al Islamiyah*”, (GEOGRAFIA Onlinetm Malaysia Journal of Society and Space 9, issue 1, 2013), 126 – 137.
- Lindsay Clutterbuck, Richard Warnes, “*Exploring Patterns of Behaviour in Violent Jihadist Terrorists: An Analysis of Six Significant Terrorist Conspiracies in The UK*” (kertas laporan kajian, United Kingdom: RAND Corporation, 2011), 26.
- Zulkarnain Haron, Nordin Hussin. *Islam*, 130.
- Joseph Braude “*A Saudi Psychologist on Jihadism, Clerical Elites, and Education Reform: An Interview with Abdullah Al-Garni*” (makalah, Foreign Policy Research Institute, laman sesawang <https://www.fpri.org/article/2014/04/a-saudi-psychologist-on-jihadism-clerical-elites-and-education-reform/>, diterbitkan pada April 2014).
- Lennart Van Leeuwen, Dan Weggemans, “*Characteristics of Jihadist Terrorist Leaders: A Quantitative Approach*” (laporan kajian, JSTOR, laman sesawang <https://www.jstor.org/stable/26482978>, vol. 12, issue 4, 58).
- Lindsay, Richard, *Exploring*, 26.
- Kendra Cherry, “*Introspection in Psychology: Wundt’s Experimental Technique*” (makalah, Verywellmind, laman sesawang <http://www.verwellmind.com/what-is-introspection-2795252>, diterbitkan pada 2 Oktober, 2019).
- Muhammad bin Sa’id al-Buhayri, ‘*aqidah Khawarij al-‘asr ((da’ish)) wa abraz sifatihim* (t.tp., tp., t.t.), 9.
- Mohd Hamidi Ismail et. al, 2019. “*Konseptualisasi Mahadisme Dalam Gerakan Jhadiis Modern*” (kertas kerja, dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa ICIMAX 2, bertempat di USIM pada 11-12 Disember 2019), 2-4.
- Khalid Salah, “*jihad nikah*” (makalah, youm7, laman sesawang <https://www.youm7.com/story/2019/12/27>, diterbitkan pada 27 Disember 2019).
- Wasfi ‘Ashur Abu Zayd, *al-jihad fi sabilillah: maqasid wa athar* (t.tp: al-Alukah, t.t), 3. lihat juga Mohd Hamidi, *Konseptualisasi*, 3.
- Robin Wright et. al, “*The Jihadi Threat ISIS, Al-Qaeda and Beyond*” (t.tp: United States Institute of Peace and Wilson Centre, 2017), 12.
- Tim Krieger, Daniel Meirrieks, “*What Cause Terrorism?*” (kertas penyelidikan, Springer Science and Business Media, Public Choice, 2010), 11.
- Al-Quds Al-Arabi, “*nas} risalah al-rajul al-thani fi ‘al-Qa’idah’ Ayman al-Zawahiri ila Abu Mus’ab al-Zarqawi*” (vol. 17, isu. 5096, diterbitkan pada 13 Oktober 2005).
- Ia disebabkan oleh pengaruh militia Taliban yang dipimpin oleh Mullah Muhammad Omar pada ketika itu ke atas gerakan salafi-jihadi dunia – termasuklah al-Qaeda – dengan perjuangan menentang tentera Soviet dan mendirikan negara berdaulat Afghanistan. Pada peringkat awal ini, ‘jihad’ gerakan salafi-jihadi yang kami maksudkan sebagai ‘kemahuan semata-mata berperang dan membunuh’ berada dalam fasa terselindung. Setelah berlaku perpecahan dalam gerakan salafi-jihadi atau secara lebih tepatnya apabila Islamic State (IS) dan seumpamanya ditubuhkan, fokus gerakan salafi-jihadi mula berubah. Pendekatan al-Zarqawi yang dilihat sesuai dengan perubahan tersebut membawa gerakan salafi-jihadi dengan tujuan ‘jihad’ baharu yang berlainan daripada ‘fasa terselindung’ sebelumnya.

- Usama bin Ladin, “*Letter From Usama Bin Ladin to Atiyatullah Al-Libi*” (English translation), (Combatting Terrorism Center at West Point, laman sesawang <https://ctc.usma.edu/posts/letter-from-usama-bin-laden-to-atiyatullah-al-libi-english-translation-2>, diterbitkan pada 27 Ogos, 2010).
- ‘Atiyya ‘Abd Al-Rahman, “*‘Atiyya’s Letter to Zarqawi*” (English translation), (Combatting Terrorism Center at West Point, laman sesawang <https://ctc.usma.edu/posts/atiyahs-letter-to-zarqawi-english-translation-2>, diterbitkan pada 9 September 2017), dicapai pada 2 April 2020. Lihat juga Ayman al-Zawahiri, “*Zawahiri’s Letter to Zarqawi*” (English translation), (Combatting Terrorism Center at West Point, laman sesawang <https://ctc.usma.edu/posts/zawahiris-letter-to-zarqawi-english-translation-2>, diterbitkan pada 9 September 2017).
- Al-Bukhari, *sahih* (hadis. 10), 23.
- Rebecca Gould, “*Islamic State’s Perversion of ‘Hijra’*”, (makalah, Qantara, laman sesawang <https://en.qantara.de/content/jihadism-islamic-states-perversion-of-hijra>, dikemaskini pada 15 September 2015).
- Statista, “*Number of Deaths Due to Terrorism Worldwide in 2018, by Perpetrator*” (data, laman sesawang <https://www.statista.com/statistics/623052/deaths-due-to-terrorist-attacks-worldwide-by-perpetrator/>).
- Al-Bukhari, *sahih*, (hadis. 10), 23, (hadis. 6484), 1048.
- Muhammad Ahmad Ismail al-Muqaddam, *al-Mahdi* (Iskandaria: al-Dar al-‘Alamiyyah, t.t.), 7-8.
- Ahmad bin Abdul Halim, Ibn Taymiyyah al-Harrani, *minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fi naqsh kalam al-Shi‘ah wa al-Qadariyyah* (jil. ke-4, Bulaq: al-Matba‘ah al-Kubra al-Amiriyyah, 1322h), 211.
- Abdul Rahman, Ibn Khaldun al-Maghribi, *tarikh Ibn Khaldun (al-Muqaddimah): kitab al-‘ibar wa diwan al-mubtada’ wa al-khabar fi ayyam al-‘Arab wa al-‘Ajam wa al-Barbar* (cet. ke-2, jil. 1, Beirut: maktabah al-Madrasah wa dar al-Kitab al-Lubnani, 1961), 574, 578.
- Muhammad bin Darwish, al-Hut al-Biruti, *asna al-matalib fi ahadith mukhtalifah al-maratib* (Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, 1355H), 326.
- Al-Sayyid Muhammad Rashid Rida, *tafsir al-Manar* (cet. 1, jil. ke-9, Lubnan: taswir dar al-Ma‘rifah Bayrut, 1342H), 994, 105.
- Muhammad Farid Wajdi, *da’irah ma‘arif al-qarn al-‘ishrin* (jil. ke-10, t.tp., matba‘ah da’irah ma‘arif al-qarn al-‘ishrin, 1925), 480.
- Mohd Hamidi Ismail, “*Konsep Imam dan Imamah Syiah dan Percanggahannya dari Islam*”, (kertas kerja, Seminar Mendepani Virus Syi‘ah, Anjuran MUAFAKAT, Pada 8 September 2013, bertempat di Pusat Islam, Kuala Lumpur), 6-11, 17-36.
- Abdul Alim Abdul Azim al-Bistawi, *al-Mahdi al-muntazar fi du’ al-ahadith wa al-athar al-sahihah wa al-ara’ wa al-firq al-mukhtalifah* (Beirut: dar Ibn Hazm, 1999), 60-61.
- Sulaiman Bin al-Ash‘ath al-Azdi al-Sajistani, Abu Daud, *sunan Abi Dawud* (hadis. 4285, jil. ke-4., t.tp., dar al-risalah al-‘alamiyyah, 2009), 474.
- Ibid.*
- Muhammad Zaki Ibrahim, *qadiyyah al-Imam al-Mahdi bayna al-rafd wa al-qabul huwa haqq wa lakin lam ya’t zamanuhu ba’d* (cet. ke-6, al-‘Ashirah al-Muhammadiyah, 2000), 13-14.
- Al-Bahansawi, *al-hukm*, 7, 28, 36.
- Thomas Hegghammer, Stephane Lacroix, *The Meccan Rebellion (terj. Arab, hatta la ya‘ud juhayman)*, terj. Dr. Hamad al-‘Isa (cet. ke-3, Beirut: muntada al-ma‘arif, 2014), 27. Lihat juga Latifa Babas, “*1979: When Juhayman Al-Otaybi Led The Grand Mosque Seizure of The*

Masjid Al Haram In Mecca” (berita, YABILADI.com, laman sesawang <https://en.yabiladi.com/articles/amp/65386/1979-when-juhayman-al-otaybi-grand.html>., diterbitkan pada 25 Mei 2018).

Kamal Habib, “*al-mahdawiyyah muharrikan li-harakah ihya’ al-Islami*” (laman sesawang <http://www.aswatonline.com/2018/04/10>, diterbitkan pada 10 April 2018).

Abu Daud, *sunan*, (hadis. 3735, jil. 2), 310.

Abdullah bin Bayyah, *adab al-ikhtilaf* (artikel pdf, da000a578024c71b4628e2291bafdd941, t.tp., tp., t.t.), 4-5.

Jalaluddin Abdul Rahman bin Abi Bakar al-Sayuti, *al-‘urf al-wardi fi akhbar al-Mahdi* (suntingan Dr. Musa Ismail al-Basit, t.tp., t.p., t.t.), 18, 72.

Hadis diriwayatkan oleh Jabir RA, dikeluarkan oleh Imam Ahmad. *ibid.*, 20.

Ibid.

Dikeluarkan oleh Ibn Abi Shaibah, Ahmad, Abu Daud, Abu Ya’la dan al-Tabrani daripada riwayat Ummu Salamah RA. *Ibid.*, 43.

Berkata Ibn Abas RA: “Mahdi daripada kami (*ahl al-bayt*), [dia] membawa [kita] kepada Isa Bin Maryam”. Dikeluarkan oleh Abu Nu’aym. *Ibid.*, 108.

Kata-kata Qatadah RA yang diriwayatkan oleh Ka’ab RA. Dikeluarkan oleh Abu Nu’aym. *Ibid.*, 121.

Ibid., 99.

Berlaku ke atas Shukri Ahmad Mustafa. Kamal, “*Al-Mahdawiyyah*”.

Berlaku ke atas al-Qahtani. Latifa Babas, “1979”.

Dilakukan sendiri oleh al-Baghdadi pada 27 Oktober 2019 semasa cuba melepaskan diri daripada operasi ketenteraan tentera Amerika Syarikat di barat daya Syiria. www.Aljazeera.com, “*World Reacts to Death of ISIL Leader Abu Bakr Al-Baghdadi*” (laman sesawang <https://www.aljazeera.com/amp/news/2019/10/world-reacts-death-isil-leader-abu-bakr-al-baghdadi-1910271450531.html> diterbitkan pada 29 Oktober 2019).